

Kejayaan kumpulan KAL Team di QE/5S diraikan

NST 13.7.13 10

LABUAN: Kejayaan Kumpulan KAL Team meraih Anugerah Emas di Konvensyen Persekutaran Berkualiti (QE/5S) Wilayah Sabah dan Sarawak 2013 mendapat penghargaan daripada pen-gurusa universiti.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali meraikan peserta Kumpulan KAL Team pada majlis makan malam di Grand Dorsett Hotel, malam kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah dan Timbalan Pengerusi Jawatan kuasa Amalan 5S, Baharin Entoh yang juga Pustakawan Kanan UMSKAL.

Hadir sama ketua-ketua bahagian dan pe-gawaikanan UMSKAL.

Kumpulan KAL Team yang mewakili Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) memenangi Anugerah Emas di The Pacific Sutera, Kota Kinabalu pada 4 Julai lalu.

Kumpulan itu yang di-wakili ketua pasukan, El-



ANUGERAH EMAS ... Dr Ismail (kiri) menerima Anugerah Emas daripada Baharin sambil diperhatikan peserta Kumpulan UMSKAL yang menyertai Konvensyen Persekutaran Berkualiti Wilayah Sabah dan Sarawak 2013.

dayana Suhaili, Zek Jas, Arniwati Abas, Mohd Quazly Arifin, Abd Sofian Abd Ghani dan Dorothy Chew menerima trofi dan sijil penghargaan.

Konvensyen Persekuturan Berkualiti anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sabah akan memilih wakil Wilayah Sabah dan Sarawak keperingkat kebangsaan di Gambang, Pa-hang pada 1 - 3 Oktober depan.

Dr Ismail berkata ke-jayaan tersebut amat mem-banggakan warga UMSKAL kerana ia mampu meningkatkan motivasi kepada pegawai, pen-syarah dan kakitangan un-tuk terus mengamalkan amalan 5S di kampus tersebut.

Beliau berharap ke-jayaan itu akan berterusan bukan sahaja dalam Amalan 5S tetapi juga dalam bidang-bidang lain yang disertai UMSKAL di

peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah mahupun ke-bangsaan.

"Cabarannya lebih besar menanti Kumpulan UMSKAL jika terpilih ke per-ingkat kebangsaan kelak. Saya yakin usaha gigih se-mua ahli akan mem-buat hasil seperti mana yang diharapkan," katanya. **OLEH JAIN-UDIN DJIMIN** (jain-udin@newsabah-times.com.my)